



I. JAWATAN

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **TETAP** di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Tapah**.

BIL	JAWATAN	GREDE	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
1.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	Pembantu Tadbir (Kewangan)	RM1,353.00	RM4,005.00

II. SYARAT LANTIKAN

1. Pembantu Tadbir (Kewangan) (Gred W19)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,353.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80); atau
 - (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

1. Pemohon-pemohon lantikan terus hendaklah berumur **tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.**
2. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun **MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN** dan hendaklah disertakan dengan **SALINAN KENYATAAN PERKHIDMATAN YANG DIKEMAS KINI.**
3. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN**:
 - Kad Pengenalan
 - Sijil Kelahiran
 - Sijil SRP/PMR/PT3, SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
 - Sijil Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)
 - Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
 - Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja/penetapan gaji
 - Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemas kini (bagi kakitangan kerajaan/Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat)
4. **Satu pemohon** hanya boleh memohon untuk **SATU JAWATAN** yang diiklankan sahaja.
5. Nama jawatan yang dipohon hendaklah dinyatakan di penjuru atas sebelah kiri sampul surat permohonan.
6. Borang yang tidak lengkap dan permohonan calon dari jabatan kerajaan/badan berkanun/separa kerajaan yang tidak memohon melalui majikan **tidak akan diproses.**
7. Hanya pemohon-pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
8. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya
9. Pemohon-pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak.

PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA (BORANG PERJAWATAN UiTM 76/13 (III) Pindaan 8/2007)** yang boleh didapati sendiri di **Bahagian Pentadbiran, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Kampus Tapah** atau boleh juga diperolehi dengan melayari laman sesawang **UiTM Cawangan Perak** di <https://perak.uitm.edu.my/index.php>.

Tarikh tutup permohonan adalah pada hari **19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)**

Sila kemukakan permohonan kepada:



**PENOLONG PENDAFTAR KANAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERAK
KAMPUS TAPAH
35400 TAPAH ROAD
PERAK DARUL RIDZUAN
NO.TEL: (05) 4067000**

RUJUKAN : 500-KPK/TPH(PT.2/2) BIL 7/2023